



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 10 September 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Lelaki Pakistan bawa 720 kg gula secara haram ditahan

**KOTA KINABALU** — Seorang lelaki warga Pakistan ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) berikutan membawa barang kawalan gula pasir tanpa lesen atau permit dalam 'Op Taring Landai' pada Jumaat lalu.

Menerusi penahanan suspek berusia 26 tahun itu, sebanyak 720 kilogram (kg) gula pasir dirampas dalam kenderaan jenis Toyota Avanza ketika melalui Jalan Kuala Putatan Satu.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Kota Kinabalu, Asisten Superintendah Roslee Abd Rahman berkata, pihaknya mengekori sebuah kenderaan dari arah Kinarut menuju ke Putatan dalam keadaan mencurigakan.

"Sebaik sahaja tiba di lokasi kejadian, anggota bertugas mengarahkan kenderaan terbabit untuk berhenti di tepi jalan kerana disyaki menjalankan kegiatan penyimpanan dan membawa barang kawalan."

"Sejurus kenderaan itu berhenti, pasukan operasi membuka pintu kereta untuk pemeriksaan dan menemui longgokan gula kasar berlabel barang kawalan Malaysia yang disimpan di bahagian belakang kenderaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, pemeriksaan turut mendapati suspek tidak



**BARANG** kawalan gula pasir tanpa lesen yang dimasukkan dalam sebuah van di Jalan Kuala Putatan Satu, Kota Kinabalu pada Jumaat lalu.

memiliki dokumen pengenalan diri yang sah selain tiada lesen memandu ketika membawa kenderaan di tempat awam.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati suspek tidak mempunyai lesen atau permit untuk menyimpan dan membawa gula

kasar dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN).

"Nilai keseluruhan rampasan RM47,102. Tangkapan dan rampas barang berkenaan dibawah Akta Kawalan Bekalan kerana tiada permit yang sah," katanya.

# Program Jualan Rahmah Madani bantu jimat perbelanjaan

Cerminan keprihatinan, usaha kerajaan membantu rakyat

Oleh DIANA AZIS  
KUALA LUMPUR

Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) yang diperkenalkan Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) sejak tahun 2023 mencerminkan keprihatinan serta usaha berterusan kerajaan dalam membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup.

Malah program di bawah inisiatif Payung Rahmah Madani itu sentiasa dinantikan masyarakat, terutama golongan berpendapatan rendah (B40) yang berpeluang mendapatkan barang keperluan asas pada harga yang jauh lebih rendah berbanding di pasaran.

Menurut Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman, PJRM menawarkan potongan harga sehingga 30 peratus bagi setiap barang yang dijual, sama ada menerusi jualan di premis, luar premis (premium) atau bergerak.

"PJRM dilaksanakan bertujuan memberi penjimatan kepada rakyat dengan fokus untuk membantu meringankan beban kos sara hidup. Program ini dilaksanakan dengan pelbagai kaedah, ada yang berskala kecil iaitu menggunakan lori lima tan dan bergerak ke lokaliti yang telah dikenal pasti."

"Namun di bandaraya Kuala Lumpur, kita rasa kaedah itu tidak sesuai. Oleh sebab itu, ia dibuat berskala premium dengan menggunakan sekurang-kurangnya lima buah khemah yang diletakkan di kawasan tertentu," katanya ketika ditemui di Flat Sri Penara, Cheras, sempena PJRM peringkat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam pada itu beliau menjelaskan, barang yang dijual pada setiap PJRM adalah mengikut permintaan dan



Foto ASRI, ASWANDI SHUKOR  
Suasana Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) peringkat Kuala Lumpur anjuran KPDN KL yang diadakan di Flat Sri Penara, Cheras pada Khamis.

cadangan daripada wakil penduduk dan penyelaras Parlimen terlibat.

Malah menurutnya, KPDN Kuala Lumpur akan meneliti jenis barang yang akan dibawa dan dijual mengikut keperluan iaitu 10 hingga 13 jenis barang keperluan asas pada harga yang jauh lebih rendah berbanding di pasaran.

"Sebelum mengadakan PJRM di kawasan dikenal pasti, kita akan mendapatkan pandangan dan cadangan daripada penyelaras kawasan Parlimen supaya barang yang akan dijual mengikut kehendak penduduk setempat."

"Keperluan asas seperti beras, minyak dan telur wajib dijual, selebihnya berdasarkan kepada permintaan supaya semua orang dapat manfaat daripada program ini," ujarnya.

## Kuala Lumpur lokasi aktif PJRM

Sehingga 5 September lalu, KPDN Kuala Lumpur telah melaksanakan sebanyak 358 PJRM di seluruh bandaraya berkenaan.

Mohd Sabri berkata, jumlah itu akan terus meningkat dan dianggarkan sebanyak 200 program lagi bakal dijalankan sehingga akhir tahun ini.

"Kuala Lumpur merupakan kawasan yang paling aktif PJRM berbanding negeri-negeri lain dan kami berharap dapat melaksanakan kira-kira 200 program lagi sehingga Disember nanti."

"Selain itu saya juga berharap program jualan ini dapat diteruskan pada

tahun hadapan dengan penambahbaikan lebih sesuai, tertakluk kepada permintaan rakyat serta kemampuan kerajaan," ujarnya.

Mengulas mengenai proses pembelian dan jualan PJRM, beliau menjelaskan, mekanisme yang digunakan setakat ini adalah yang terbaik kerana subsidi dapat disalurkan kepada golongan sasar, sekali gus dimanfaatkan golongan B40.

Dalam masa sama katanya, program berkenaan tidak akan mengganggu pemergian sedia ada di kawasan sekitar.

"Kita tidak menyediakan banyak jenis barang sebab PJRM bukan pasar raya. Kita hanya menawarkan barang keperluan tertentu sahaja."

"Oleh itu, kita sangat terbuka dengan sebarang cadangan untuk memperluaskan Program Jualan Rahmah Madani ini agar sesuai untuk rakyat dan pelaksanaannya," jelasnya.

## Permintaan meningkat, jadikan program bulanan

Mengakui ramai penduduk setempat yang mendapat manfaat daripada inisiatif kerajaan itu, Setiausaha Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Bandar Tun Razak (Sub Zon II), Syarifah Aini Zahrah berkata, pihaknya berharap KPDN Kuala Lumpur dapat mempertimbangkan kekerapan PJRM di lokalkiti itu.

Menurutnya, ramai penduduk yang menyuarakan harapan agar program berkenaan dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh sebulan bagi membantu kos sara hidup rakyat.

"Kami disaraskan untuk sampaikan kepada Pengarah (KPDN Kuala Lumpur) supaya adakan program PJRM lebih kerap, itu yang dimohon penduduk."

"Sekurang-kurangnya, penduduk dapat menarik nafas lega kerana barang keperluan harian tidak terputus dengan cepat," ujarnya.

Sebagai rekod sehingga 31 Julai tahun ini, PJRM telah dilaksanakan di 5,680 lokasi seluruh negara dengan kaedah dalam premis sebanyak 2,248, luar premis 400 dan bergerak 3,032.



Mohd Sabri beramah mesra dengan pengunjung PJRM peringkat Kuala Lumpur anjuran KPDN KL yang diadakan di Flat Sri Penara, Cheras pada Khamis.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali dilaporkan memaklumkan, program berkenaan telah diperluaskan ke 222 Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara.

Sehingga kini, seramai lebih lima juta pengunjung direkodkan sepanjang program tersebut dilaksanakan dan jumlah itu dijangka terus meningkat dari semasa ke semasa.

## REAKSI

“

Saya harap program seperti ini dapat dilaksanakan lebih kerap supaya golongan B40 dapat manfaat sebaiknya.”

- Maizatul Dura Azmi, 44  
Sururumah

“

Saya cadangkan supaya pelbagai jenis barang yang dijual seperti keperluan harian lain dan tidak hanya tertumpu kepada makanan.”

- Hee Siew Fong, 66  
Penduduk

“

Saya antara rakyat yang mendapat manfaat daripada PJRM dan penjimatan sehingga RM6 bagi setiap jenis barang boleh digunakan untuk membeli keperluan lain.”

- Muhammad Akram Mohd Razali, 45  
Pekerja swasta

“

Sebagai penyelaras Parlimen, saya akan pastikan kawasan yang dipilih bersesuaian dengan jumlah lokalkiti supaya lebih ramai yang mendapat manfaat daripada inisiatif ini.”

- Muhammad Fitri Ramli  
Penyelaras Parlimen Bandar Tun Razak





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Sep	Produk PMKS mampu bersaing di peringkat global	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/09/produk-pmks-mampu-bersaing-di-">https:// malaysiaga- zette.com/2024/09/09/produk- pmks-mampu-bersaing-di-</a>	MALAYSIA GAZETTE